

Kosmo
29/11/2015
A10

Jika berniaga di pasar tani wujud kekangan kerana mereka terpaksa berniaga mengikut masa dan lokasi yang ditetapkan FAMA, namun menerusi Karavan Tani MBB, usahawan



REZAL (empat dari kiri) dan Arifuddin (enam dari kanan) bergambar bersama para peserta Program Latihan Karavan Tani MM di Hotel Grand Crystal di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

Mobiliti Karavan Tani MBB

Platform terbaik kurangkan kos sara hidup pengguna terutamanya rakyat berpendapatan rendah

Oleh AMMAR JAZLAN
MAD LELA

NBOS 10

KENAIKAN harga barang keperluan asas seperti petrol dan makanan akan memberi kesan besar kepada pengguna khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Menyedari hakikat itu, pelbagai inisiatif disalurkan pihak kerajaan sebagai usaha meringankan beban yang ditanggung golongan terlibat.

Antaranya melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 10 - My Best Buy (MBB) yang dimulakan pada tahun lalu bertujuan membantu mengurangkan beban kos sara hidup dan kenaikan har-



REZAL

batan golongan muda dalam bidang keusahawanan.

"Jika berniaga di pasar tani wujud kekangan kerana mereka terpaksa berniaga mengikut masa dan lokasi yang ditetapkan FAMA, namun menerusi Karavan Tani MBB, usahawan terlibat bebas bergerak mengikut permit yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan.

"Misalnya, pada sebelah pagi mungkin mereka boleh berniaga di taman-taman perumahan, tengah hari di kawasan pejabat manakala petang di tempat-tempat awam seperti terminal bas dan malam pula di pasar malam.

seterusnya, jumlah 50 peserta yang disasarkan itu akan tercapai.

"Pada tahun depan, kita akan lebih agresif mengadakan siri program di seluruh negara dan meletakkan sasaran 100 peserta," katanya.

Beliau turut yakin program Karavan Tani MBB akan mendapat sambutan menggalakkan berikutan konsep karavan itu merupakan satu trend perniagaan yang digemari golongan muda pada hari ini sama seperti perniagaan Trak Makanan (*Food Truck*).

"Konsep karavan ini hanyalah satu permulaan untuk mereka mengenali dan memahami bidang perniagaan dengan lebih mendalam.

"Kita tidak sekadar mengajar mereka berniaga, sebaliknya turut mendedahkan

terlibat bebas
bergerak
mengikut
permit yang
dikeluarkan
pihak berkuasa
tempatan

REZAL ZIDI

kan beban kos sara hidup dan kenaikan harga barangan keperluan.

Matlamat MBB yang diterajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan beberapa agensi berkaitan adalah bagi menyediakan barangan segar dan runcit yang berkualiti pada harga lima hingga 20 peratus lebih murah daripada pasaran.

Setakat ini, MMB berjaya mencatatkan hasil jualan sebanyak RM3.5 juta pada tahun lalu manakala sehingga Ogos tahun ini, jumlah jualan yang dicatatkan adalah sebanyak RM4.6 juta.

Menyedari keberkesanan MBB, Unit Agropreneur Muda dan NBOS berhasrat melahirkan seramai 50 peserta Karavan Tani MBB pada tahun ini yang terdiri daripada usahawan muda bagi membekalkan produk itu terus kepada pengguna.

Pengarah Unit Agropreneur Muda, Rezal Zidi berkata, Karavan Tani MBB mengambil konsep Karavan Tani yang diperkenalkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebelum ini yang bertujuan menarik pengli-



ONSEP Karavan Tani yang diperkenalkan FAMA bertujuan menarik penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan. - Gambar hiasan

“Apa yang penting matlamatnya tetap sama iaitu bagi mengurangkan kos sara hidup pengguna khususnya di kawasan bandar di samping menangani kenaikan harga barangan keperluan harian,” katanya selepas merasmikan Program Latihan Karavan Tani MBB di Hotel Grand Crystal di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

Program itu disertai seramai 40 peserta yang terdiri daripada komuniti Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kedah. Kedah merupakan lokasi ketiga Program Latihan Karavan Tani MBB anjuran Unit Agropreneur Muda dan NBOS selepas di Shah Alam, Selangor dan Johor Bahru, Johor.

Rezal berkata, antara keistimewaan program tersebut, peserta yang terlibat berpeluang mendapat geran sebanyak 30 peratus bagi memulakan perniagaan.

“Sebagai contohnya, jika kos karavan mencecah RM100,000, kita akan memberi geran sebanyak RM30,000 sebagai modal permulaan.

“Selebihnya kita akan bantu mencari dana menerusi agensi-agensi bank di bawah MOA seperti Bank Pertanian, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Agrobank dan sebagainya.

“Bahan mentah seperti ayam, sayur-sayuran, ikan dan sebagainya pula dibekalkan oleh FAMA yang mana diperolehi dengan harga yang jauh lebih murah daripada pasaran,” ujarnya.

Rezal berkata, ketika ini pihaknya telah berjaya melahirkan seramai 20 orang usahawan yang terlibat dalam program Karavan Tani MBB di seluruh negara.

“Biarpun jumlahnya ketika ini tidak ramai, namun kita yakin dengan pelbagai promosi dan kempen yang diadakan seperti di Kedah ini dan Terengganu dalam program

mengenai teknik menyediakan pelan perniagaan, penjenamaan, pemasaran dan sebagainya yang boleh digunakan untuk mengembangkannya perniagaan tersebut,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar (Operasi) Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda), Arifuddin Habib berkata, program Karavan Tani MBB dilihat mampu menangani kos sara hidup yang dihadapi pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang murah.

“Misalnya, di taman-taman perumahan atau kampung-kampung mungkin hanya terdapat satu atau dua kedai runcit yang menjual barangan basah dan lazimnya harga yang ditawarkan juga lebih tinggi.

“Bagaimanapun, melalui Karavan Tani MBB pengguna berpeluang mendapatkan barangan tersebut pada harga jauh lebih murah daripada pasaran kerana semua bahan mentah dibekalkan oleh FAMA.

“Secara tidak langsung, ia dapat membantu pengguna untuk berjimat di samping membantu usahawan terlibat membina jaringan perniagaan dan mempromosikan produk mereka,” katanya.

Seorang peserta, Fadziyal Hafiz Azizan, 34, berkata, program Karavan Tani MBB itu bersesuaian dengan mood golongan muda khususnya di Kedah untuk menceburi bidang keusahawanan.

“Kita sedia maklum orang muda sukakan kebebasan dan konsep karavan yang diperkenalkan dalam program ini tidak memerlukan mereka terikat untuk berniaga di satu-satu lokasi sahaja.

“Ia juga dapat mengurangkan risiko kerugian kerana perniagaan melibatkan premis seperti rumah kedai dan sebagainya memerlukan lokasi yang strategik serta modal yang besar,” katanya.